

Kluster Ekonomi dan Keusahawanan GAPROF, Seranta JPM ambil inisiatif

Bengkel 'Mari Berniaga' lahirkan generasi usahawan Felda

Oleh SYAHIDI BAKAR

KLUSTER Ekonomi dan Keusahawanan, Gabungan Pemikir Profesional Felda (GAPROF) di bawah Seranta Felda, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan bengkel keusahawanan untuk generasi Felda dikenali sebagai 'Mari Berniaga'.

Bengkel keusahawanan ini melibatkan mahasiswa dari universiti awam dan swasta serta generasi Felda dari seluruh Malaysia termasuklah mereka yang baru menamatkan pengajian masing-masing.

Kluster Ekonomi dan Keusahawanan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Rozali Ismail, berfungsi sebagai medan untuk menjana idea dan saranan ke arah memperkasakan kemajuan Felda melalui penggabungan idea dan sinergi ilmu khususnya dalam pembangunan ekonomi dan keusahawanan.

Bengkel yang diadakan ini turut mendapat kerjasama daripada Felda Global Venture (FGV), Felda, Seranta Felda, Jabatan Perdana Menteri dan Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF).

Matlamat utama bengkel berkenaan adalah untuk memacu kelestarian Felda bagi mencapai matlamat *Aspirasi Felda Global* yang dicituskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan penglibatan para cendekiawan generasi baharu Felda selaras dengan perjuangan agama, bangsa dan tanah air.

Inisiatif yang dilakukan oleh Rozali selaku Pengerusi Kluster Ekonomi dan Keusahawanan, GAPROF adalah mendedahkan kepada usahawan dan bakal terlibat dalam sektor keusahawanan dalam pelbagai aspek perniagaan.

Selain itu, Rozali Ismail turut berpandangan bengkel seperti itu menjadi medan tepat bagi



melahirkan golongan belia dan generasi baharu Felda sebagai usahawan yang berjaya dengan bimbingan *mentor-mentor* yang berkelayakan dan berjaya dalam bidang perniagaan.

Bengkel tersebut telah mengetengahkan panel-panel yang berwibawa untuk berkongsi pengalaman antaranya Datuk Ir. Jamlus Ab Aziz, Ketua Eksekutif Syarikat Felda Palm Industri Sdn Bhd yang memperkatakan tentang peluang-peluang perniagaan dalam FELDA/FGV; Datuk Amir Hamdan, Pengarah Jabatan Keusahawanan Felda pula membicarakan motivasi keusahawanan dan panel utama, Rozali Ismail pula telah berkongsi pandangannya berkenaan *tips* memulakan perniagaan dan rahsia kejayaan perniagaan yang diuruskannya.

Sementara itu, pada majlis yang sama, Kluster Ekonomi dan Keusahawanan GAPROF telah mengambil inisiatif melancarkan dua program sangat sinonim dengan kluster iaitu Pelancaran Kelab Usahawan Muda Universiti yang mana penglibatannya terdiri daripada pelajar dan kakitangan IPT yang berkenaan.

Di samping itu, pada majlis tersebut juga menyaksikan pelancaran program 'Jejak Usahawan Muda' yang mana ia dibuka penyertaan kepada para graduan untuk terlibat secara langsung.

Golongan graduan yang berminat dengan perniagaan dan keusahawanan akan dibantu dengan pelbagai skim latihan termasuk modal *start up* perniagaan yang terpilih.

Kedua-dua program tersebut bertujuan untuk melahirkan generasi Felda yang berkebolehan dalam urusan perniagaan dan



mampu bersaing dengan usahawan-usahawan lain di luar sana.

Pelajar atau peserta program ini akan dibantu oleh *mentor-mentor* yang dilantik supaya mereka diberi panduan sebenar dalam alam perniagaan.

Dengan bimbingan khusus ini diharapkan agar semua peserta memahami segala ilmu dan kemahiran keusahawanan diberikan, supaya ianya boleh diaplikasi dalam dunia perniagaan sebenar.

Program-program dirancang selepas ini akan dipastikannya bersesuaian dengan dunia perniagaan sebenar kerana para men-

Program-program dirancang selepas ini akan dipastikannya bersesuaian dengan dunia perniagaan sebenar kerana para *mentor* yang dilantik adalah terdiri daripada ahli perniagaan yang telah berjaya dalam bidang masing-masing yang mampu diaplikasi oleh peserta program.

tor yang dilantik adalah terdiri daripada ahli perniagaan yang telah berjaya dalam bidang masing-masing yang mampu diaplikasi oleh para peserta program.

Dengan adanya bengkel seumpamanya, ia sedikit sebanyak akan membantu sektor ekonomi orang Melayu khususnya generasi Felda berkembang dan berupaya meneruskan kehidupan serba mencabar serta membuktikan generasi Felda mampu berjaya dan bersaing dengan kuasa besar dunia korporat yang lainnya.

Untuk makluman lanjut dan sebarang pertanyaan berkaitan, sila hubungi Pegawai Perhubungan Korporat GWGF, Muhammad Hafiz Bahari, di talian 014-6384475.

info

IPT YANG TERLIBAT DALAM BENGKEL

1. Universiti Malaysia
2. Universiti Putra Malaysia
3. Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Universiti Teknologi Malaysia
5. Universiti Teknologi Mara
6. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
7. Universiti Sains Islam Malaysia
8. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
9. Management Science University (MSU)
10. City University College
11. Auto Prima College
12. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
13. Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam